



BULETIN ELEKTRIKAL

Edisi Januari – Jun 2021

- 01** *Dari Pena Pengarah Kanan*
- 02** *Majlis Penyerahan Senarai Kerja*
- 03** *Majlis Pelancaran Program
Solar Energy Purchasing (SEP)*
- 04** *Mesyuarat Penyediaan Pelan
Pengurusan Risiko*
- 05** *Majlis Pelancaran & Penyerahan Dokumen
Pelan Bisnes & Pelan Pengurusan Risiko*
- 06** *eCQi Di Institut Kraf Negara
Rawang, Selangor*
- 07** *POE di Jabatan Kastam Seremban,
Negeri Sembilan*
- 08** *Majlis Penyerahan Sijil Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang 2020*
- 09** *Aktiviti Cawangan 2021*
Pelantikan Pengarah Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah
Penyerahan Sumbangan Tabung Palestin
Kursus Lanjutan Teori & Aplikasi Teknologi Sistem Lampu Isyarat
Ulangtahun Kelahiran Pengarah Kanan
Anugerah Tokoh Cemerlang CKE Jan - Jun 21
- 10** *Berita AKSI*
- 11** *Persaraan Jurutera Elektrik*



Cawangan Kejuruteraan Elektrik
 Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia,
 Tingkat 11-16, Blok G, Menara Kerja Raya
 Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur
 Tel: 03-26189810 Faks: 03-26189843
 Laman Web: <https://www.jkr.gov.my>



Dari Pena Pengarah Kanan



Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada sidang redaksi kerana telah berjaya menghasilkan Buletin CKE Edisi 1 Tahun 2021. Terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam Buletin ini. Penerbitan ini memaparkan segala aktiviti, informasi dan berita mengenai Cawangan Kejuruteraan Elektrik agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua para pembaca.

Merenung sejenak, masa bergerak pantas dan kita sudah sampai ke pertengahan tahun 2021. Walaupun agensi amat terkesan dalam pelaksanaan bisnis utama iaitu pengurusan projek sepanjang berdepan dengan pandemik Covid-19, ia bukanlah penghalang bagi CKE untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berprestasi tinggi.

Adalah menjadi harapan saya untuk kita terus kekalkan kebersamaan dalam mengamalkan cara kerja norma baharu ini di samping kita mengorak langkah ke arah penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Akhir kata, semoga kita semua dilindungi daripada wabak Covid-19 ini dan diberikan kesihatan yang baik bagi menjalankan amanah yang telah diberikan.

Sekian, Selamat maju jaya.



Ir. Hanizan bt Shaffii
Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
JKR Malaysia



MAJLIS PENYERAHAN SENARAI KERJA



Pada 22 Januari 2021 jam 9.30 pagi, telah berlangsung Program Penyerahan Senarai Kerja Kepada Syarikat Konsesi Bagi Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan Persekutuan, Penyenggaraan Cerun, dan Kelulusan Kerja Elektrik Semenanjung Malaysia Tahun 2021, bertempat di Aras 2, Bilik Berlian Blok G, Menara Kerja Raya Malaysia.

Program tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia. Turut hadir di program tersebut YBrs. Cik Helena Remeo, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Fasiliti, Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Ir. Haji Ahmad Redza bin Ghulam Rasool, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), YBhg. Datuk Ir. Radzwan bin Kasim, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar), YBrs. Ir. Hanizan binti Shaffii, Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, YBrs. Ir. Ibrahim bin Esa, Pengarah Cawangan Senggara

Fasiliti Jalan, YBrs. Ir. Haji Abd Rahman bin Pandi, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Cerun serta YBhg. Dato' Ir. Masri bin Baharuddin, Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat.


Program ini merupakan satu inisiatif dan komitmen pengurusan JKR dan pihak konsesi dalam melaksanakan kerja yang diamanahkan.

Senarai pihak konsesi adalah seperti berikut:

1. Roadcare Sdn. Bhd.
2. Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd.
3. THB Maintenance Sdn. Bhd.
4. Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd.
5. Syarikat Konsesi Pintas Utama Sdn. Bhd.

Manakala kerja-kerja penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat diserahkan kepada JKR Negeri .

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SOLAR ENERGY PURCHASING (SEP)



Majlis Pelancaran Program Solar Energy Purchasing (SEP) untuk Bangunan Kementerian Kerja Raya dan JKR Malaysia telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Yusof pada 16 Mac 2021 bertempat di Menara Kerja Raya.

Program dengan usahasama Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Tenaga Nasional Berhad dan Gsparx ini dijangka dapat menyumbang kepada penjimatan tenaga sehingga RM9.27 juta melibatkan 12 bangunan JKR di seluruh Malaysia dengan penghasilan kapasiti solar sebanyak 1.2MW dan pengurangan karbon sehingga 819 tan setahun.



MESYUARAT PENYEDIAAN PELAN PENGURUSAN RISIKO

Mesyuarat Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko CKE telah berlangsung pada 19-21 Mac 2021 yang dihadiri oleh 32 Jurutera Elektrik telah selesai dengan jayanya. Sebanyak 80 Insiden Risiko dengan 24 kadar risiko tinggi dan 2 kadar risiko ekstrem telah dikenalpasti. Ucapan penutup dan gimik penyerahan dokumen pengurusan risiko telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ir. Hanizan Binti Shaffii.



MAJLIS PELANCARAN & PENYERAHAN DOKUMEN PELAN BISNES & PELAN PENGURUSAN RISIKO



Majlis Pelancaran dan Penyerahan Dokumen Pelan Bisnes & Pelan Pengurusan Risiko CKE 2021-2025 kepada lima (5) bahagian utama di CKE oleh Pengarah Kanan CKE, Ir. Hanizan binti Shaffii pada 25 Mac 2021 bertempat di Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Terdapat sebanyak lapan puluh pengukuran atau *Key Performance Indicator (KPI)* telah ditetapkan dalam Pelan Bisnes Cawangan merangkumi skop dan fungsi daripada lima bahagian utama di CKE.

Pelan Pengurusan Risiko CKE telah dibangunkan dengan lapan puluh (80) insiden risiko dan lima puluh lapan (58) strategi rawatan. Terdapat dua (2) pengukuran di bawah Risiko Ekstrem manakala dua puluh empat (24) adalah berisiko tinggi dan lain-lainnya di bawah risiko sederhana & rendah.



eCQi DI INSTITUT KRAF NEGARA RAWANG, SELANGOR



Pemeriksaan kualiti pembinaan elektrik (eCQi) telah dijalankan untuk projek pemasangan elektrik bagi cadangan pembinaan bangunan asrama siswi di Institut Kraf Negara, Rawang, Selangor pada 16 dan 17 Mac 2021.

Pemeriksaan ini adalah salah satu inisiatif JKR bagi memeriksa dan mengenalpasti pemasangan yang baik (Good Engineering Practice) di setiap tapak pembinaan JKR.




POE DI JABATAN KASTAM SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN



Lawatan Penilaian Pasca Menduduki (PoE) telah dijalankan oleh Unit Perunding Inspektorat & Keselamatan Elektrik (UPIKE), Unit Perunding Tenaga Lestari (UPTL), Unit Pensijilan Bahan & Standard (UPBS), Unit Perunding ICT (UPICT), Unit Perunding Akustik & ELV (UPAE) dan Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan (BPKS) di Jabatan Kastam Seremban, Negeri Sembilan pada 15 Mac 2021.

Penilaian pemasangan elektrik ini dilaksanakan bagi mengenalpasti sebarang permasalahan supaya penambahbaikan dapat dibuat ke atas rekabentuk pemasangan elektrik dalam projek-projek akan datang.



Majlis Penyerahan Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Penyerahan Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020 peringkat Jabatan Kerja Raya Malaysia telah berlangsung secara atas talian pada 6 April 2021 dan diadakan di peringkat Cawangan Kejuruteraan Elektrik pada 15 April 2021.

Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang disampaikan oleh Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, YBrs. Ir. Hanizan binti Shaffii.

Tahniah diucapkan kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 dari Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat JKR Malaysia.



Tahniah

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020

BIL	NAMA	JAWATAN
1	Ir. Noor Ashikin binti Md Tamimi	Pengarah Perkhidmatan Pakar JUSA C
2	Ir. Siti Nor binti Hassan	JEPK J54
3	Ir. Zularifin bin Sejo	JEPK J54
4	Ir. Wan Fatimah binti Wan Muhamad	JEK J48
5	Mohd Ainor bin Yahya	JEK J48
6	Norhidayah binti Jamaludin	JEK J48
7	Ooi Swee Lai	JE J44
8	Ir. Muhammad Khudri bin Halim Bashah	JE J44
9	Nor Hidayah binti Mohd Yusof @ Sutris	JE J44
10	Norisyam bin Naseri	JE J44
11	Ir. Mohamad Bunari bin Misdal	JE J44
12	Muhammad Azuwam bin Muhamad Hassan	JE J41
13	Muhammad Khairulezāne bin Ibrahim	JE J41
14	Suzaila binti Othman	PJET JA38
15	Sazrol Azizee bin Ariff	PJE JA29
16	Mohd Aizat bin Ariffin	PJEK JA36
17	Norliza binti Zainol	PJE JA29
18	Rogayah binti Marzuki	PJE JA29
19	Mohd Faizal bin Zulkifli	PJE JA29
20	Tuan Sapawi bin Tuan Abdullah	PJE JA29
21	Mohd Shaizatun Anuar bin Harun	PJE JA29
22	Akmal Afiq bin Nazmudi	PJE JA29
23	Thaiebah binti Zainal Abidin	PT (O/P) N19

PELANTIKAN PENGARAH PASUKAN PROJEK KHAS BEKALAN ELEKTRIK SABAH, KETSA

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBrs. Ir. Ismail Bin Hashim atas pelantikan sebagai Pengarah Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah, Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli berkuatkuasa mulai 5 Januari 2021.



PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG PALESTIN



Pada 28 Mei 2021 yang lalu telah diadakan sesi penyerahan sumbangan Tabung Palestin #JKRPrihatin oleh Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, YBrs. Ir. Hanizan Binti Shaffii kepada wakil Bahagian Sekretariat Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, Jabatan Kerja Raya Malaysia diiringi Pengarah Perunding Rekabentuk, Ir. Husin bin Mustafa dan Pengarah Perkhidmatan Pakar, Ir. Noor Ashikin binti Md. Tamimi.

Semoga dengan sumbangan ini dapat sedikit sebanyak membantu saudara-saudara kita di Palestin.

KURSUS LANJUTAN TEORI & APLIKASI TEKNOLOGI SISTEM LAMPU ISYARAT

Kursus Lanjutan Teori & Aplikasi Teknologi Sistem Lampu Isyarat telah diadakan pada 29-31 Mac 2021 secara atas talian yang dihadiri seramai 52 kakitangan Cawangan Kejuruteraan Elektrik IP JKR. Kursus ini dianjurkan bersama TM One, Dynamic Traffic System Sdn. Bhd & PPK Technology Sdn. Bhd.



ULANGTAHUN KELAHIRAN PENGARAH KANAN CKE



Pada 31 Mei 2021 kakitangan CKE telah mengadakan sambutan ulangtahun kelahiran buat Pengarah Kanan CKE, YBrs. Ir. Hanizan binti Shaffii.

Semoga Pengarah Kanan diberkati umurnya dan dipermudahkan urusan dunia dan akhirat.

Anugerah Tokoh

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

JANUARI - JUN 2021



NURULHUDA BINTI AZMI
JURUTERA ELEKTRIK (J44)



MOHD FADZIL BIN MOHD MARZUKI
PENOLONG JURUTERA
ELEKTRIK (JA36)



FATIMAH BINTI SAAD
PEMBANTU OPERASI (N14)



PENYERAHAN SUMBANGAN BANTUAN KELENGKAPAN BAGI MISI BANJIR

Pada 12 Januari 2021, bertempat di Lobi Menara Kerja Raya telah diadakan sesi penyerahan sumbangan bantuan kelengkapan daripada warga Cawangan Kejuruteraan Elektrik di Ibu Pejabat kepada urusetia Misi Banjir JKR Prihatin yang disampaikan oleh YBrs. Ir. Hanizan binti Shaffii, Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Terima kasih kepada seluruh warga CKE yang telah sudi memberi sumbangan.



PENYERAHAN SUMBANGAN KURMA DARIPADA KELAB AKSI CKE SEMPENA MENYAMBUUT BULAN RAMADAN AL-MUBARAK.



Gimik penyerahan sumbangan kurma oleh YBrs. Ir. Hanizan bt Shaffii, Pengarah Kanan CKE kepada Presiden AKSI, Ir. Abd Halim bin Ja'afar pada 12 April 2021



Persaraan **Jurutera Elektrik**



En. Mohamad bin Embong

Ketua Jurutera Elektrik Terengganu
JKR Elektrik Terengganu

Tarikh bersara wajib: 12 Jun 2021

Md Shah Nuri bin Md Zain
Ketua Eksekutif Gred Utama C
(Terbuka)

Majlis Keselamatan Negara

Tarikh bersara wajib: 30 Jun 2021



En. Esa bin A. Rahman

Jurutera Elektrik Pengusaha

Cawangan Kejuruteraan Elektrik

Tarikh bersara wajib: 13 Februari 2021

Persaraan

Jurutera Elektrik



Norwaily binti Abd Wahid

Jurutera Elektrik Penguasa Kanan

Cawangan Kerja Kesihatan

Tarikh bersara wajib: 9 Januari 2021

Nik Noriham binti Nik Hassan

Jurutera Elektrik Penguasa Kanan

Cawangan Kerja Bangunan Am 2

Tarikh bersara pilihan: 16 Januari 2021





CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA
TINGKAT 11-16, BLOK G, MENARA KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR

TEL : 03-26189810
FAKS : 03-26923967
LAMAM WEB: <https://www.jkr.gov.my>